



TEKS UCAPAN

**MENTERI KANAN KERJA RAYA
DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
(JANUARI 2022)**

13 JANUARI 2022 (KHAMIS)

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KAHLID

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT dan Salam Keluarga Malaysia

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, kita masih diberi kesempatan untuk bersama-sama di Majlis Perhimpunan Bulanan KKR untuk bulan pertama tahun 2022 ini.
2. Masih tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 buat seluruh warga Kementerian Kerja Raya dan juga agensi-agensi di bawahnya. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Wan Ahmad Uzir Bin Hj Wan Sulaiman di atas pelantikan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya berkuatkuasa pada 22 Disember 2021 yang lalu.

CABARAN DAN PENCAPAIAN 2021

3. Sebelum meneruskan ucapan, saya ingin mengajak warga Kementerian Kerja Raya yang saya kasihi sekalian, untuk sama-sama mengimbau cabaran dan pencapaian kita pada tahun 2021. Kita telah diuji dengan pandemik COVID-19 yang berterusan sejak 2020, yang turut memberi kesan kepada kehidupan rakyat serta ekonomi Negara. Namun Alhamdulillah, kita juga telah menyaksikan komitmen padu Kerajaan dalam menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan semua negeri kini sudah beralih daripada Fasa 3 ke Fasa 4. Keprihatinan Kerajaan juga menyaksikan pelbagai bantuan prihatin rakyat telah dihulurkan baik di peringkat Persekutuan mahu pun di peringkat negeri yang sedikit sebanyak mampu meringankan beban rakyat.
4. Di Kementerian Kerja Raya, komitmen padu seluruh warga kementerian dan agensi, telah menyaksikan kita melalui tahun yang mencabar ini dengan jayanya di sebalik kekangan dan cabaran yang perlu dihadapi. Terima kasih saya ucapkan kepada semua.

5. Sepanjang tahun 2021, sesi pembelajaran berterusan warga Kementerian diteruskan dengan fokus kepada program latihan secara dalam talian (online). Ini meliputi sesi perkongsian ilmu, pembelajaran atas talian (online) seperti EPSA dan pembacaan buku ilmiah. Hasilnya, pencapaian kehadiran lima hari berkursus KKR adalah 100 peratus bagi tahun 2021. Tahniah dan syabas kepada semua. Bagi tahun 2022, Kementerian masih mengekalkan dasar 5 hari (30 jam) berkursus setahun bagi warga Kementerian dan juga agensi di bawahnya.
6. Pensijilan semula audit eksa oleh pihak mampu pada 29 November sehingga 1 Disember 2021 telah dilaksanakan dengan jayanya secara dalam talian dan KKR telah memperbaharui sijil tersebut dengan kategori cemerlang buat julung kalinya.
7. Pada 12 November 2021, sambutan Hari Integriti peringkat KKR telah dilaksanakan. Empat (4) *e-booklet* Integriti KKR telah dilancarkan iaitu:
 - a) Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat;
 - b) Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah, Tajaan dan Sumbangan;
 - c) Panduan Pengurusan Tatatertib; dan
 - d) Panduan Integriti: Buat dan Elak.
8. Selain itu KKR juga telah menerima penganugerahan dan penarafan cemerlang dalam standard kualiti perkhidmatan psikologi sumber manusia bagi tahun 2021 dengan jumlah pemarkahan sebanyak 99.17%. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Cawangan Psikologi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KKR.
9. Majlis Anugerah Kontraktor Cemerlang Jabatan Kerja Raya Malaysia juga telah diadakan pada 2 Disember 2021 di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid dan dihadiri seramai 108 peserta yang terdiri daripada Ketua Panel, Pegawai Penguasa (SO) dan para kontraktor yang berjaya.
10. CIDB pula telah menganjurkan QLASSIC dan SHASSIC Day 2021 pada 14 Disember 2021. Ini adalah sebuah inisiatif CIDB untuk memartabatkan sektor pembinaan tempatan dengan meningkatkan kualiti kerja serta memastikan keadaan kerja yang selamat.
11. Manakala Lembaga Lebuhraya Malaysia pula telah menganjurkan Majlis Anugerah Industri Lebuhraya 2021 pada 2 Disember 2021

bertempat di Hotel Marriott Putrajaya, bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada syarikat konsesi, agensi dan individu yang terlibat dalam pembangunan dan pengurusan lebuhraya.

ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA

12. Alhamdulillah kemuncak 2021 telah menyaksikan Kementerian Kerja Raya berjaya mencapai sasaran bagi Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) iaitu Pencapaian 100 hari yang antara lain meliputi pengeluaran 137 SST melibatkan peruntukan RM4.6 bilion dan 5,973 bilangan potholes di Jalan Persekutuan seluruh negara ditampal dalam tempoh 24 jam.
13. Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang julung kali diadakan pada 9 hingga 12 Disember 2021 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pula berjaya menarik kehadiran melebihi 100,000 orang. Pavilion KKR sendiri telah menerima seramai 10,000 pengunjung sepanjang empat hari penganjuran.
14. KKR juga telah menerima lebih dari 860 juta *reach* menerusi perkongsian di semua medium rasmi media sosial KKR melibatkan perkongsian berkenaan Aspirasi Keluarga Malaysia (100 hari).
15. Usaha bagi pemantapan perkhidmatan ini tidak akan terhenti kepada 100 hari pencapaian sahaja dan sudah pasti akan diteruskan. Cabaran utama yang perlu kita hadapi adalah persepsi masyarakat yang sering menganggap perkhidmatan Kerajaan corot, lambat dan tidak melaksanakan tugas dengan baik. Persepsi ini perlu diubah. Kita perlu berganding bahu dalam menjayakan misi memastikan KKR akan terus menjadi peneraju infrastruktur negara yang cemerlang.

PELAKSANAAN DASAR / PELAN DI BAWAH KKR

Warga Kerja Raya Yang Saya Kasihi Sekalian,

16. KKR juga telah melancarkan Dasar Pembinaan Negara (NCP) 2030 yang memberi fokus kepada pendigitalan sektor pembinaan dan pembinaan mampan pada 9 November 2021. NCP 2030 ini

mendukung peranan KKR sebagai peneraju pembangunan infrastruktur Malaysia.

17. Pada tahun ini, KKR dijangka akan melancarkan Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuhraya (DPJL2030) dan akan memulakan penggubalan Dasar Senggara Infrastruktur Negara (DSIN) serta memuktamadkan Pelan Pelaksanaan NCP2030 yang akan menjadi panduan menyeluruh dalam memacu hala tuju KKR dalam merealisasikan Infrastruktur Keluarga Malaysia.
18. Selain daripada *Highway Network Development Plan 2030* (HNDP 2030) untuk Semenanjung Malaysia, Kementerian Kerja Raya (KKR) juga akan menjalankan Kajian HNDP 2040 bagi menggantikan HNDP Fasa 2 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang akan tamat pada penghujung tahun 2025. Kajian HNDP 2040 ini telah diluluskan oleh Agensi Pusat dalam *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), dan akan mula dilaksanakan pada tahun 2022 serta dijangka siap pada tahun 2025.
19. Kajian HNDP 2040 ini juga akan mengambil kira pelbagai aspek dengan penglibatan semua pihak berkepentingan supaya pelan yang komprehensif dapat disediakan untuk dijadikan rujukan utama berkaitan perancangan pembangunan infrastruktur jalan raya di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
20. Dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi program pendigitalan, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kerja Raya (PSPKKR) 2021-2025 yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan KKR dan agensi di bawahnya untuk tempoh lima tahun.
21. Bagi tahun 2022, Kementerian akan menghadapi Pengauditan semula Sijil MS ISO 9001:2015 oleh Sirim yang dijadualkan akan berlangsung pada 4 hingga 6 April 2022 kelak. Pengauditan penilaian Malaysian Government Performance Index (MYGPI) terhadap KKR oleh pihak MAMPU akan dilaksanakan pada tahun 2022 buat pertama kalinya.
22. Bagi pemantapan aspek pengurusan aduan, KKR akan diperkukuhkan lagi dengan Pelancaran Aplikasi MyPotholes pada tahun ini. Aplikasi ini akan dapat membantu masyarakat dalam membuat aduan secara lebih cepat walau di mana mereka berada

hanya melalui peranti mudah alih. Tiada karenah birokrasi yang perlu dihadapi oleh rakyat. Moga menerusi applikasi ini, kita mampu meningkatkan lagi kualiti penyenggaraan jalan raya berbanding tahun-tahun sebelumnya.

BELANJAWAN KKR 2022

Warga Kementerian Kerja Raya Sekalian,

23. Belanjawan 2022 menyaksikan KKR menerima sejumlah RM7.306 bilion peruntukan. Jumlah bajet mengurus KKR yang diluluskan adalah sebanyak RM823 juta berbanding RM1.26 bilion yang diterima pada tahun 2021. Manakala Bajet Pembangunan Tahun 2022 yang diluluskan meningkat sebanyak RM6.483 bilion berbanding RM6.088 bilion pada tahun lalu. Peruntukan yang diterima ini perlulah diurus secara berhemah dan terancang.

BENCANA BANJIR

Warga Kerja Raya yang saya kasihi sekalian,

24. Pada Disember 2021 yang lalu negara kita telah dikejutkan dengan bencana alam iaitu banjir besar di beberapa kawasan termasuk Lembah Klang, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan dan Terengganu. Begitu ramai yang terkesan, menanggung kerosakan pada kediaman, peralatan-peralatan rumah, kenderaan dan kerugian wang ringgit. Moga semua mangsa yang terlibat terus tabah dan kuat menghadapi ujian ini.
25. Kepada 2,588 sukarelawan KKR Prihatin yang telah menghulurkan bantuan dari segi sumbangan tenaga, barangan keperluan dan wang tunai, saya ucapkan syabas, tahniah dan juga jutaan terima kasih. Semoga setiap budi baik semua, akan dibalas dengan rezeki yang melimpah ruah daripada Allah S.W.T.
26. Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) juga telah diaktifkan selama 24 jam bermula pada 18 Disember 2021. Laporan Kejadian Bencana melibatkan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri telah dihebahkan secara berkala sebanyak enam kali setiap hari di media sosial, media cetak dan juga media elektronik.
27. Terima kasih sekali lagi kepada semua warga KKR, JKR, LLM dan

CIDB. Tingkatkanlah kesiapsiagaan semua dalam berdepan apa juga situasi terutama bencana dan patuhilah SOP sepanjang masa.

PENUTUP

28. Akhir kata, saya mendoakan semoga seluruh warga kerja di Kementerian Kerja Raya dan juga agensi-agensi di bawahnya akan terus beristiqamah dan beriltizam menyampaikan perkhidmatan berimpak tinggi dengan cemerlang dan berintegriti sepanjang masa. Semoga apa yang kita laksanakan akan mendapat keberkatan Ilahi dan membawa ke arah kesejahteraan rakyat.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.